

Dr M: Saya minat ragbi

KUALA LUMPUR, Ahad — Ramai menteri gemar bermain golf dan tenis tetapi bagi Perdana Menteri, beliau lebih berminat kepada ragbi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau gemarkan ragbi sejak di bangku sekolah tetapi tidak pernah memenangi sebarang pertandingan.

Permainan itu, menurutnya, mudah dan memerlukan keberanian sahaja.

"Saya tidak pernah mendapat sebarang piala dalam penyertaan saya di bidang sukan. Sebab itu sukan adalah satu kenangan 'pahit dan manis' bagi saya," katanya.

Sikap

Beliau berkata demikian bagi menjelaskan sikapnya terhadap perkembangan sukan ketika berucap melancarkan Ekspedisi Kayak Menjelajah Pantai Malaysia Peringkat Ke-7 dan Ke-8 anjuran Persatuan Rekreasi Luar Wilayah Persekutuan di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau gembira sekiranya lebih ramai orang menyertai sesuatu kegiatan sukan daripada hanya menjadi penonton sahaja.

Sebelum itu Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata langkah Perdana Menteri menunjukkan minat yang mendalam terhadap sukan adalah petanda yang baik kepada perkembangannya di negara ini.

"Perdana Menteri juga antara mereka yang membincangkan Dasar Sukan Negara dan menyatakan hasrat untuk bergiat dalam kegiatan sukan tanahair" katanya ketika berucap di majlis itu.

Datuk Seri Najib berkata penumpuan yang terperinci dalam perkembangan sukan sudah pasti menjayakan matlamat 'Malaysia Cergas'.

"Sukan akan membantu negara mewujudkan masyarakat yang sihat, berfikiran tajam dan bersatu padu," katanya.

Menurutnya, sukan juga boleh mengatasi masalah belia berpeleleran kerana dapat mengisi masa lapang mereka.